

Proton disaran perelok model sedia ada

UM 22 JUL 2011

KUALA LUMPUR 21 Julai -- Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) perlu sentiasa memperelokkan semua model sedia ada selain melancarkan model baru setiap tahun bagi membolehkannya kekal berdaya saing.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff berkata, banyak lagi model yang akan dilancarkan oleh Proton sama ada tahun ini atau pada tahun-tahun akan datang, bergantung kepada ujian bagi memenuhi standard yang ditetapkan.

"Kita telah mengumumkan untuk melancarkan model sport dengan kerjasama Lotus selain daripada model yang diperbuat daripada aluminium untuk pasaran tertentu.

"Seperti yang saya janjikan kepada seluruh rakyat Malaysia, setiap tahun kita akan mempunyai sebuah model baru. Kita telahpun ada satu," katanya selepas majlis pelancaran Proton Juara, di Dataran KLCC di sini, hari ini.

Kerjasama

Majlis tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Juara yang merupakan kenderaan pelbagai guna (MPV) mini dengan kapasiti enjin 1.1 liter, adalah produk ke-11 Proton dan dijual pada harga di atas jalan daripada RM49,203.62.

Menurut Mahaleel, kerjasama dengan Lotus masih lagi diteruskan untuk menghasilkan model sport baru setelah syarikat berjaya menghasilkan model Satria GTI.

Sebelum ini, Proton pernah bercadang untuk menghasilkan kereta model 'cabriolet'.

Selain itu, kata Mahaleel lagi, usaha memperelokkan model sedia ada juga perlu diberi perhatian dan ini tidak terkecuali untuk model Satria GTI.

Mahaleel menambah, sebagai sebuah syarikat kereta nasional, model yang dihasilkan mestilah mampu dibeli oleh penduduk negara ini.

Menurutnya, Proton juga perlu menghasilkan model yang menarik serta menepati cita rasa pasaran.